

**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR**  
Majlis Pelancaran Web of Science  
18 Mac 2004, 9.10 pagi  
Auditorium Perpustakaan UMS



Yang Berusaha Puan Che Salmah Mehamood,  
Ketua Pustakawan UMS, merangkap Penasihat Jawatankuasa Majlis  
Pelancaran *Web of Science*,

Yang Berusaha  
Encik Rajdev Narayanasamy,  
Account Manager of Thomsom ISI Asia Region

En. Mark Wheeler  
Manager Education and Technical Support of Thomson Saintific

Dekan-Dekan, Ketua-ketua Unit dan Jabatan dan dif-dif jemputan

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.***

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya dapatlah kita bersama-sama pada majlis pagi ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Perpustakaan UMS kerana telah berusaha menjayakan dan mengadakan Majlis pelancaran pangkalan data elektronik *Web of Science* ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya dimaklumkan bahawa pihak Perpustakaan telah melanggan 2 pangkalan data yang menggunakan pelantar *Web of Science*, iaitu *Science Citation Index Expanded (SCIE)* dan *Social Science Citation Index (SSCI)*. SCIE menyediakan capaian data bermula tahun 1945 dengan jumlah artikel lebih kurang 19,200 buah.

Dalam pangkalan data SCIE ini juga, ia mengandungi lebih kurang 86% artikel-artikel dari tahun 1991 hingga sekarang. Bagi SSCI pula ia menyediakan lebih kurang 2,880 artikel-artikel baru setiap minggu. Lebih kurang 60,900 'new cited references' setiap minggu. Pihak Perpustakaan

melanggan pangkalan data ini, secara amnya adalah untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran para pelajar UMS, serta menyokong usaha penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi.

Seperti yang dimaklumi, pangkalan data *Web of Science* ini mengandungi ilmu pengetahuan dan maklumat dalam bidang sains yang boleh dicapai secara "online" oleh semua warga kampus di UMS. Seajar dengan era maklumat serta kemajuan teknologi maklumat masa kini, maka perolehan dan penyediaan pangkalan data yang bernilai 1.2 juta ini merupakan komitmen dan kesungguhan pihak Universiti yang berterusan dalam meningkatkan kualiti pembelajaran, pengajaran mahupun penyelidikan universiti.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian;

Oleh yang demikian, adalah diharapkan dengan adanya tambahan data ini akan dapat meningkatkan lagi sumber kekayaan maklumat yang boleh dicapai di Perpustakaan universiti ini.

Dengan itu juga, apa yang saya harapkan agar para pelajar mahupun tenaga akademik dapat memanfaatkan sepenuhnya kemudahan ini.

Akhir kata, suka saya mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Thomson ISI di atas kerjasama yang diberikan menjayakan pengwujudkan *Web of Science* di universiti ini.

Semoga pelancaran pangkalan data '*Web of Science*' ini akan membuka ruang dan peluang yang lebih luar kepada para pelajar, tenaga akademik dan penyelidik untuk meneroka lebih banyak ilmu berkaitan dan seterusnya menjadikan Perpustakaan sebagai 'one stop reference'.

Dengan itu, sukacitanya dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirahim***, merasmikan Pelancaran *Web of Science*, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah.

Sekian, Terima Kasih.